

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA
TM.171/2026

10 JULAI 2026

TAWARAN HOTEL EKSKLUSIF DAN GASTRONOMI CITRA RASA: CITRAWARNA 2026 MERANCAKKAN KEMPEN MELAWAT MALAYSIA 2026

KUALA LUMPUR — Bersempena dengan penganjuran Citrawarna 2026 yang akan berlangsung pada 24 hingga 26 Julai 2026 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, hotel-hotel terpilih di sekitar Lembah Klang dan beberapa negeri menawarkan promosi penginapan eksklusif bagi merancakkan lagi aktiviti pelancongan sepanjang tempoh program dilaksanakan.

Citrawarna 2026 dengan tema “Ritma Warisan, Nadi Nusa dan Bangsa” yang berlangsung selama tiga hari merupakan acara kebudayaan ikonik negara yang cukup mengujakan. Festival ini menampilkan kelainan dengan mengetengahkan kepelbagaian seni, budaya, warisan, serta keindahan alam semula jadi Malaysia menerusi persembahan rona warna yang memukau. Acara ini menawarkan platform unik kepada pengunjung domestik dan antarabangsa untuk merasai sendiri kekayaan identiti serta kepelbagaian budaya tanah air.

Bersempena Citrawarna 2026, lebih daripada 40 buah hotel dan premis penginapan mengambil bahagian dalam menawarkan pelbagai promosi penginapan eksklusif. Tawaran istimewa ini merangkumi kadar bilik pada harga menarik serta pakej gabungan unik bagi memberikan penginapan yang selesa di sekitar Lembah Klang dan beberapa negeri. Promosi ini boleh ditempah mulai pertengahan Julai hingga pertengahan Ogos 2026, sekali gus memberi pilihan terbaik kepada pelawat yang merancang percutian singkat sempena festival tersebut.

Selain tawaran penginapan, rangkaian hotel yang terlibat turut menyemarakkan festival ini menerusi inisiatif **Citra Rasa (Colours of Flavour)** dengan memperkenalkan hidangan yang diinspirasi daripada warisan kuliner setiap negeri di Malaysia di kafe dan restoran hotel masing-masing. Menerusi inisiatif gastronomi asli ini, para pengunjung berpeluang menikmati kepelbagaian hidangan tradisional yang kaya dengan keunikan warisan rasa yang tersendiri.

Para pengunjung boleh menikmati tawaran penginapan ini dengan membuat tempahan terus melalui laman sesawang rasmi pengusaha hotel atau secara belian terus. Maklumat lanjut termasuk senarai hotel yang terlibat, butiran pakej, serta inisiatif Citra Rasa akan diumumkan secara berperingkat menerusi platform media sosial di [@citrawarna.my](https://www.instagram.com/citrawarna.my) dan [@malaysia.truly.asia](https://www.instagram.com/malaysia.truly.asia), atau boleh didapati di www.malaysia.travel.

Kerjasama antara Tourism Malaysia dan para pemain industri ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan budaya bertaraf dunia. Langkah strategik ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pengunjung, malah menyokong pertumbuhan pelancongan inklusif, memperkasa komuniti tempatan, meningkatkan daya tahan industri, serta memacu pembangunan ekonomi yang mampan sepanjang tempoh Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Akbal Setia

Ketua Sekretariat Visit Malaysia 2026
& Pengarah Kanan, Bahagian Pengiklanan dan Digital
akbalsetia@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8700

Norshariza Mohd Saad

Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

